

Kelantan catat 688 kes melibatkan pelbagai peringkat umur sejak tujuh tahun lalu

Merajuk punca ramai orang hilang

Oleh ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU – Merajuk dengan keluarga merupakan salah satu punca utama berlakunya kes orang hilang yang direkodkan di Kelantan setakat ini.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, siasatan mendapati, kebanyakan kes orang hilang di negeri ini turut disebabkan oleh masalah dengan ahli keluarga masing-masing.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 688 kes orang hilang direkodkan sejak tujuh tahun lalu dengan hampir kesemuanya dapat diselesaikan dan hanya dua kes sahaja masih dalam siasatan.

“Siasatan mendapati, kes orang hilang melibatkan pelbagai peringkat umur iaitu bermula 18 tahun sehingga 60 tahun.

“Ada kes yang dikesan berpunca daripada merajuk, kecewa dengan keluarga dan selebihnya hanya mereka yang tahu,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan di Ibu Pejabat Polis Kon-



Orang hilang melibatkan pelbagai peringkat umur. Ada kes yang dikesan berpunca daripada merajuk, kecewa dengan keluarga dan selebihnya hanya mereka yang tahu.”

MUHAMAD ZAKI

tinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Pada majlis itu, seramai 13 pegawai polis menerima sijil kenaikan pangkat dan 48 lagi pegawai menerima sijil penghargaan.

Mengulas lanjut, menurut Muhamad Zaki, setiap kes kehilangan individu akan terus diklasifikasikan sebagai orang hilang.

Katanya, siasatan lanjut turut mendapati, kebanyakan laporan kes orang hilang di Kelantan berlaku di Kota Bharu diikuti dengan Pasir Mas yang merupakan lokasi tumpuan di pusat bandar.



MUHAMAD ZAKI (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pegawai polis pada di IPK Kelantan, Kota Bharu semalam. – ROSALWANI CHE SOH